



rubanization

Anjuran Bersama
Jabatan Seni Halus (FSSR)
&
Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ)



KATALOG PAMERAN

GALERI SENI
TUANKU NUR ZAHIRAH
creativity inspires innovation

gesturz



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



PAMERAN

rubanization

KATA ALUAN



Assalamu'alaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

Tahniah diucapkan di atas usaha mengadakan pameran yang bertema "Rubanization", lanjutan daripada aktiviti lawatan akademik pelajar-pelajar dari Pusat Seni Halus dan Budaya Visual (Jabatan Seni Halus) ke Taman Negara, Pahang dan ke Kota Singapura. Pameran ini diterjemahkan sebagai satu bentuk latihan dan memberi pendedahan yang lebih luas dalam aspek pembelajaran yang mampu membuka minda pelajar supaya yakin dan berani untuk mempamerkan hasil-hasil karya mereka. Pada hemat saya budaya menyelidik, berkarya dan berpameran ini adalah aktiviti dan proses pembelajaran yang perlu bergerak beriringan.

Senario seni lukis di Malaysia dilihat semakin berkembang, impak daripada penglibatan di kalangan pelukis-pelukis baharu dan pastinya Fakulti Seni Lukis & Seni Reka mempunyai peranan dan sumbangan yang sangat besar sejak 45 tahun yang lalu. Pemantapan dan keberkesaan program pengajian, guna tenaga, fasiliti dan pengurusan adalah faktor yang dapat memupuk dan menyumbang ke arah keberkesaan tersebut.

Lawatan akademik yang disusuli dengan pameran ini sudah pasti dapat memberi input bermakna terutama dalam menghargai keindahan alam sekitar serta memahami nilai budaya benda (material) di kedua-dua lokasi. Langkah sedemikian tentunya dapat memberi manfaat dan perolehan jangka panjang kerana tindakan yang dijalankan adalah melibatkan pemupukan pembelajaran sepanjang hayat.

Akhir kata, syabas kepada para pensyarah yang turut serta mempamerkan karya-karya mereka yang sudah pasti menjadi pendorong kepada para pelajar untuk dijadikan contoh teladan. Diharapkan usaha-usaha seumpama ini akan dapat diteruskan lagi di masa-masa akan datang. Sekalung penghargaan juga kepada semua pihak yang terlibat khususnya pihak Jabatan Seni Halus dan Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah dalam menjadikan program ini satu realiti. Saya yakin aktiviti seumpama ini menjadi pemangkin kejayaan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka dalam usaha mengharumkan nama UiTM sebagai sebuah universiti yang terulung di rantau ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Prof. Dr. Hj. Mustaffa Halabi Hj. Azahari".

PROF. MADYA DR. HJ. MUSTAFFA HALABI HJ. AZAHARI

Dekan

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka

Universiti Teknologi MARA

KATA ALUAN



Assalamu'alaikum Warahmatullahi wabarakatuh,

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua warga Jabatan Seni Halus di atas komitmen dan kejayaan mengadakan pameran "Rubanization" yang tentunya meninggalkan impak positif terhadap fakulti mahupun UiTM. Kejayaan mengadakan pameran ini turut memberikan warna kepada jabatan dan fakulti dengan menunjukkan satu gerak kerja yang jitu daripada seluruh tenaga pengajar di Jabatan Seni Halus bersama-sama para pelajar.

Saya difahamkan bahawa "Rubanization" ini merupakan gabungan antara tenaga pengajar serta pelajar yang terlibat di dalam aktiviti di Taman Negara, Pahang serta di Kota Singa, Singapura. Pengalaman bernilai yang diperolehi dieksplorasi lalu digarapkan menjadi satu lontaran karya kreatif. Pameran ini juga dapat membantu para pelajar lebih sensitif dan peka terutama dalam tatacara melihat (observation), menaakul (reasoning) serta menterjemahkan kembali (psychomotor) segala pengalaman itu menjadi sesuatu yang bermakna. Usaha penghargaan terhadap alam semulajadi diabadikan dalam pelbagai adunan bahan dan lontaran berus bagi pengungkap makna keaslian dan kesegaran penciptaan seni. Jelasnya, pameran ini merupakan gambaran kepekaan mereka terhadap nilai warisan alam semulajadi yang dirakam dan diabadikan menerusi pendokumentasian keindahan seni tampak.

Melalui pameran ini, para pelajar dapat mengetengahkan karya serta mencari peluang terbaik mewujudkan hubungan dengan pihak luar. Pendedahan awal seperti ini adalah satu kesediaan awal para pelajar dalam menghadapi pentas era globalisasi ini. Jelasnya pameran "Rubanization" ini merupakan salah satu refleksi kejayaan Jabatan Seni Halus khususnya berkaitan dengan pengajaran serta pembelajaran yang dilaksanakan di peringkat jabatan serta fakulti terbukti yang mampu membuaikan hasil kejayaan.

Justeru itu, saya mengucapkan tahniah serta setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Seni Halus yang tidak jemu-jemu mendidik, mengasuh dan membentuk personaliti anak seni yang berjaya semoga bakal mengharumkan nama negara di persada antarabangsa, suatu hari kelak.

Sekian, terima kasih.

DR. ARBA'IYAH AB. AZIZ

KPP Seni Halus dan Pengajian Budaya Visual
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka
Universiti Teknologi MARA

PAMERAN RUBANIZATION

Penyelaras Projek | FARID RAIHAN AHMAD

Pameran *Rubanization* adalah gabungan dua lawatan akademik pelajar ke Singapura dan Taman Negara, Pahang. Hasil dari lawatan singkat ke tempat-tempat tersebut disudahi dengan pameran pelbagai dimensi. *Rubanization* mengikut istilahnya adalah ‘perkampungan bandar’ atau ‘bandar yang bercirikan kampung’. *Rubanization* digarap agar pembangunan dapat mengimbangi elemen alam semula jadi agar tidak tercemar dan seterusnya merosakkan ekologi persekitaran. Ini kerana banyak contoh yang boleh kita ambil ikhtibar sebelum ini kesan daripada pembangunan yang tidak terancang yang membawa kesan kerosakan ekosistem. Konsep *Rubanization* di sini diketengahkan dalam pameran seni ini kerana mempunyai kaitan langsung mengenai kelestarian alam sekitar.

Penggiat di dalam pameran ini cuba memadamkan garis pemisah antara (dikotomi) bandar (urban) dan luar bandar (rural) dengan mengadakan lawatan ke dua-dua tempat yang diwakili oleh kelompok yang berbeda. Ironinya mungkin sebahagian daripada mereka ini mempunyai latarbelakang yang amat berbeza atau asing dengan tempat yang dijelajahinya. Di sinilah proses pemahaman berlaku bersandarkan kepada observasi pengalaman mereka dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baharu itu tanpa meminggirkan latar belakang asalnya.

Terdapat pelbagai jenis konsep dan gaya diterapkan dalam pameran ini melalui seni cetak, videografi, seni arca, seni arca seramik dan seni catan. Kebanyakkan karya adalah dihasilkan di lokasi lawatan secara spontan sementara sebahagian kecil dikemaskini di dalam studio.

Anjuran bersama Jabatan Seni Halus, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam dan Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ). Pameran ini berlangsung bermula dari 25 Jun 2012 dan berakhir pada 6 Julai 2012.

Sehari di Negara Asing - SINGAPURA

Pensyarah | MOHD FAZLI OTHMAN

Pertama sekali ketika saya mendapat tugas ini, saya memikirkan apakah bentuk penulisan yang harus saya ketengahkan serta cerita yang sesuai untuk dikongsi. Namun catatan ringkas ini mungkin sesuatu yang dikira menarik untuk dikongsi dengan pembaca.

Perjalanan ke Kota Singa telah memberi ruang dan peluang kepada kami untuk melihat perkembangan seni di situ ataupun sekurang-kurangnya dapat menbandingkan tahap perkembangan seni di antara Malaysia dan Singapura. Sepanjang lawatan tersebut, kami didedahkan dengan nilai budaya, pemikiran dan penggunaan serta penerokaan teknik di dalam dunia seni. Kami turut didedahkan dengan terperinci dan luas mengenai perkembangan seni moden di Asia. Segala perkongsian maklumat itu dapat dilihat dari pelbagai sudut dan perspektif.

Sepanjang perjalanan kami merakam suasana dan persekitaran dalam bentuk lakaran dan rakaman videografi. Kami berpeluang mengikuti pameran solo pelukis dari Korea iaitu Hyung Koo Kang di Muzium Seni Singapura (SAM). Pelukis yang agak senior tetapi masih kental menghasilkan karya-karya yang hebat dan luar biasa. Kami juga berpeluang melihat himpunan karya-karya dari serata negara di dalam pameran dan pertandingan seni antaranya 'Signature Art Prize 2011', Amanda Heng - Solo dan pelbagai pameran lain. Sehari kami di sana, banyak tempat-tempat menarik yang kami kunjungi antaranya Universal Studio, Asian Civilisation Museum, Clark Quay, River Point, Marlion Park dan banyak lagi. Kami juga berpeluang mengamati dan menghayati hampir separuh daripada 162 karya berbentuk replika gajah yang diilhamkan oleh pengkarya antarabangsa. Ia diletak di setiap kawasan sekitar Kota Singa bagi didekati oleh peminat seni dan masyarakat amnya sekaligus suatu pendekatan yang amat berkesan untuk mendekatkan masyarakat dengan seni. Ia merupakan langkah bijak bagi pihak yang terlibat untuk mengangkat hasil karya seni hingga ke peringkat antarabangsa di samping mempromosikan negara sendiri.

Perkara yang menarik apabila berkunjung di negara asing adalah melihat keunikian budaya dan identiti masyarakat. Hal ini adakalanya membuatkan kita berfikir tentang kebaikan dan kekurangannya. Seperkara yang boleh dicontoh ialah berkaitan kebersihan dan entiti budaya. Singapura terkenal dengan sebuah negara yang bersih dan undang-undang yang ketat tanpa kompromi. Mungkin ini salah satu pendekatan yang difikirkan boleh membentuk dan mendisiplinkan rakyatnya agar mencintai alam serta kawasan persekitaran. Kita boleh mengambil contoh daripada sikap dan peranan rakyat Singapura bagaimana mereka 'mengawal diri' daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menjelaskan imej negara mereka sendiri terutamanya berkaitan dengan pengurusan sampah. Seperkara ini gambaran keadaan masyarakatnya yang senantiasa mengejar masa sehingga setiap pergerakan yang berlaku agak pantas. Dalam konteks ini, mereka diajar untuk menghargai masa dan setiap masa yang terluang akan digunakan sebaik mungkin. Walaupun sehari sahaja di sana, kami mampu membawa pulang banyak perkara yang dirasakan boleh memberi kebaikan di negara sendiri.

Jelas, pengalaman indah dan bermakna diperolehi sepanjang kami di Kota Singa ini. Walaubagaimanapun, hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, adalah baik di negeri sendiri. Sebenarnya, tidak banyak perbezaan antara Malaysia dan Singapura. Walau apa pun, kami tetap berbangga dengan perkembangan seni di Malaysia. Kami bangga sebagai rakyat Malaysia yang hidup aman dan berbilang kaum serta agama. Mudah-mudahan kita mengambil perkara-perkara yang baik untuk dijadikan teladan dan yang 'menyimpang dari landasan' kita jadikan sempadan. Apa pun kami tetap berbangga menjadi rakyat Malaysial!!!!



MANISAH MOHD DAUD

Do not litter! This is an order!

Mixed media on Plywood

2012

46 x 76 cm

No Kod : 006

"Do not litter! This is an order!"

merupakan karya yang dihasilkan sebagai refleksi terhadap satu pengalaman baru yang dialami oleh pengkarya sepanjang lawatan ke Singapura. Suatu senario yang sangat berbeza dengan keadaan di sini."

MUHAMMAD AFIQ OMAR


Penjual di China Town

Watercolor

2012

No Kod : 007

"Penjual buah Mandarin sedang mengira-ngira wang hasil jualan sambil memancing pelanggan yang lalu lalang di koridor."



NORIZA ARZAIN

Pulau Tambak

Papercutting on Canvas

2012

No Kod : 008

"Pulau Ajaib dan menakjubkan, berkembang pesat dengan penuh daya tarikan dan keseronokan di sepanjang jalan. Mewujudkan imej bandaraya pada waktu matahari terbit dan terbenam dan bagaimana mereka mebina bandar tambak untuk memberi lebih ruang dalam kehidupan."



AHMAD HISYAMUDIN ABDULLAH

Sehari di Kota Singa

Oil on Canvas

2012

60 x 90 cm

No Kod : 064

"Pembangunan sosial budaya di Kota Singapura yang begitu pesat di sebalik kemajuannya. Namun pengkarya masih berbangga kerana di sini masih mengekalkan kebudayaan, semangat jati diri serta patriotisme yang masih utuh menebal."



MUHAMMAD KHUSHAIRI OMAR


Dari Malaysia ke Singapura

Mixed Media on Canvas

2012

60 x 60 cm

No Kod : 065



NAZLIA JAMALUDDIN

Colourful

Mix Media

60 x 60 cm

2012

No Kod : 066

"The colourful, clean, urban and amazing city."

AHMAD NUR FIKRI AHMAD TARMIZI

Stamford Raffles Menjelir Lidah

Collage on Paper and Acrylic on Canvas

2012

60 x 30 cm

No Kod : 068

"Stamford Raffles imej kolonial British yang sinonim dalam era pemerintahan awal di Singapura dengan aksi penuh sinikal dan prejidis."



HUSIN OTHMAN

A Ship in the Sky

Acrylic on Canvas

2012

76 x 50.5 cm

No Kod : 069

"The thing that excites me the most as I ventured into this Singapore city is the building of Marina Bay because it is very creative and pleasant to my eyes."

SITI KHADIJAH FARHAH SULAIMAN

Journey I, II, III, IV, V

Ceramics

2012

Kepelbagaiannya Saiz

No Kod : 034

"The first time I got there, it was the best experience I have ever had. My work is based from that journey, when I met Singaporean people, their culture and also their beautiful buildings."



MOHD FAZLI OTHMAN

Selamat Datang ke Singapura

Plastic, Glass, Aerosol Paint and Sticker

2012

24" x 24" x 2.5"

No Kod : 070

"Sebuah negara Singapura yang mementingkan kebersihan persekitaran dan mengharamkan gula-gula getah sama ada untuk dijual atau dibawa masuk oleh pelancong luar."



AHMAD FAUZI AMIR HAMZAH

"Time To Rileks!!"

Stainless Steel, Plywood, Sticker and Acrylic

2012

No Kod : 071

"Karya yang menggambarkan aras disiplin mengenai perokok di mana perokok disediakan tempat khas bagi memastikan kebersihan sekeliling terpelihara."



AINNURFATIN ABD MAJID

My Expression

Mixed Media

2012

No Kod : 009

"Keterujaan menjelaskan kaki di Singapura yang mempunyai pelbagai reka bentuk bangunan yang unik lagi kreatif."

MUHAMMAD SHAFIQ NORDIN

Journey to the 'GREAT' Statue

Mixed Media on Paper

30 x 58 cm

No Kod : 010

"Pengembalaan menjelajah Singapura merupakan pengalaman yang menyeronokkan. Merlion Statue yang dianggap pada mulanya oleh pengkarya sebagai arca yang besar dan megah berubah apabila ia tidak seperti yang dijangkakan. Bagaimanapun Singapura tetap istimewa dengan keunikannya yang tersendiri."



TAMAN NEGARA

Pengalaman ke Taman Negara cukup mengujakan sebahagian besar daripada peserta yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar yang kebanyakannya membesar di kota, dikelilingi hutan batu dan deruan kenderaan. Seketika dapat menghindarkan semua itu dengan suasana pemandangan hijau yang bersih nyaman di hutan tebal Taman Negara, Kuala Tahan, Pahang Darul Makmur. Ketibaan kami di sambut mesra pasukan renjer Taman Negara. Kami mulai program yang telah diatur genap sesampai di Kuala Tahan.

Renjer-renjer yang mengiringi turut membantu untuk menjadikan perjalanan kami ke sana lebih menyeronokkan. Walaupun basah lencun ketika menaiki bot laju ke perkampungan orang asli tetapi itu tidak menjadi halangan. Kemudian kami menyusuri ke dalam Taman Negara keesokkan paginya dan seterusnya menguji ketabahan berjalan di atas Canopy Walk. Keadaan di waktu petang yang cerah telah mengizinkan kami berkarya di Lubuk Simpon. Air sungai yang keroh menenggelamkan keinginan kami untuk terjun ke sungai itu. Kami beredar sebelum senja atas nasihat renjer. Lecak dan lintah diharungi dan setiap perjalanan sementara sekali sekala terdengar lolongan suara haiwan dan pekikan pelajar dek kerana keramahan denai yang licin. Kami mengadakan perbincangan dan menyambung karya kami pada waktu malam di ruangan terbuka. Reaksi positif daripada pengunjung-pengunjung Taman Negara turut membakar semangat kami untuk terus berkarya.

Aktiviti pada pagi hari ke tiga menutup acara kami di Kuala Tahan dan dipecahkan secara rawak mengikut kumpulan. Gelak, hilai tawa dan ukhuwah terjalin antara pensyarah dan pelajar. Syukur kepada Yang Maha Esa kerana segala yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Apapun lewat hari-hari yang berlalu, Taman Negara pasti dirindui. Gunung Tahan adalah destinasi yang harus dikunjungi kepada mereka yang dahagakan aktiviti survival di samping mereka yang ingin mencapai keindahan dan keagungan anugerah ciptaan Tuhan yang Maha Esa. Alam adalah anugerah Tuhan yang dipinjamkan kepada kita sebagai amanah untuk terus memeliharanya.




Semoga semester akan datang kita dapat jelajahi tanah yang lain. Pengalaman dan pemandangan yang berbeza pasti mengujakan.

En. Farid Raihan Ahmad
Pensyarah Seni Catan

Taman Negara

Pelajar berpeluang belajar menyumpit serta menghidupkan api di perkampungan orang asli.



Aktiviti Jungle Tracking,
Night Jungle Walk dan
Canopy Walk antara
aktiviti yang terdapat
di sini.

Aktiviti menghasilkan
karya di Lubuk Simpon.



FARID RAIHAN AHMAD

Liana & Sia


Acrylic on Canvas

2012

76 x 76 cm

No Kod : 011

"Aku kembali ke Taman Negara ini selepas 15 tahun lalu engunjunginya. Kali ini aku cukup mengenali Sia, pria asli dari suku kaum Batek, Liana yang memanjat dan menggantungkan dirinya di hutan. Mereka survival di ngah-tengah belantara di samping hidupan-hidupan lain."



ROSIAH MD NOOR

Leech in... Leech out

Mixed Media Print

2012

62 x 88 cm

No Kod : 012

"Kemakmuran dan kesuburan hutan sangat bergantung kepada kesedaran manusia sama ada sebagai kawan atau lawan."



MOHAMAD HANIF HAFIZ MD SHAMLAN

Yang Mengharungi


Mixed Media

2012

90 x 120 cm

No Kod : 013

"Merupakan satu luahan kekaguman terhadap keindahan dan kepentingan hutan, pohon-pohon serta kaitannya dengan manusia."



ZHARIF HAZWAN BADRUDDIN

A Walk of Life

Acrylic on Canvas

2012

59 x 55 cm

No Kod : 014

"Melambangkan metafora pengalaman dan cara hidup orang asli di Taman Negara."



SITI ZULAIKA SHAIKH ROHMAT

Ayam Hutan


Acrylic on Canvas

2012

20 x 20 cm

No Kod : 015

"Alam semulajadi yang menjadi sebahagian dari hidup kita."



AZIMUDDIN ABD MANAF

Perlindungan

Oil Paint on Canvas

No Kod : 021

"Mampukah kita melindungi khazanah alam yang dikurniakan ini jika tiada persefakatan?"



SITI NAJUWA MOHD AZALI


Hijau Daun

Mixed Media

20 x 60 cm

No Kod : 022

"Jalinan-jalinan daun
Taman Negara."



AIN NUR FATIHAH SHURIZAN

Perhentian Terakhir

Acrylic on Canvas

60 x 60 cm

No Kod : 023

"Taman Negara Pahang - Perjalanan
yang tidak dapat dilupakan."



NUR FIQAH MOHD QARI

Blind Spot Uncovered

Oil Paint

2012

91 x 30 cm (3 panel)

No Kod : 024

“Seringkali kita terlepas pandang tentang keindahan perkara-perkara kecil. Biarpun dipanggil hodoh namun menyumbang dan mempunyai fungsi.”

SHELBY JOHN LEONARDI

Oil Paint on Canvas

152 x 100 cm

No Kod : 025



NORHANIZA HJ ABAIN

Cendawan

Oil Paint on Canvas

2012

120 x 90 cm

No Kod : 026

“Karya ini merupakan salah satu ekspresi dan juga pengalaman semasa berada di Taman Negara. Sepanjang menjalankan aktiviti di sana banyak aktiviti yang dijalankan semasa berada di hutan.”

HAFIZ ZAMRI @ NALMAN
Tunggul Pacat
Acrylic on Canvas
2012
91 x 76 cm
No Kod : 020

“Pengumpulan pengalaman ketika ekspedisi
dan persekitaran yang terlalu kaya
memberi inspirasi pada catan ini.”




NADIAH MOHAMAD
Untouchable
Mixed Media
11" x 11"
No Kod : 001

“Ini tanah kita,
milik kita, dan
untuk kita.”

TUAN AHMAD ZAIMUDDIN JAMEE TUAN AZIZ
Selirat Rimba
Acrylic
2012
59 x 77 cm
2012
No Kod : 016

“Keakraban hubungan erat dan kemesraan alam
rimba yang tidak akan pudar selamanya, janjiku”



NURUL'AIN SOFIAH ZULKIFLI

Perjalanan

Acrylic on Canvas

2012

60 x 60 cm

No Kod : 017

"Pengalaman yang dikumpul menerusi perjalanan yang tidak terduga."



MURNI ASYIKIN MOHAMMAD

Panorama Hutan Simpan

Mixed Media

2012

60 x 60 cm

No Kod : 018

"Kecantikan yang tidak dapat dicari ganti."

AJLAA NABILA NASHARUDDIN

Lempoyan

Acrylic on Kanvas


2012

30 x 15 cm

No Kod : 019

"Lempoyan merupakan tumbuhan dari keluarga Zingerberacea. Ia biasa tumbuh liar tetapi banyak juga yang ditanam di sekitar rumah dan kebun kerana khasiat herbanya. Ia mempunyai bunga berbentuk kon berwarna merah dan mampu bertahan lama."





NUR FARAH IZZATI

The Jeti

Printmaking, Pen, Watercolor on Paper

2012

30 x 21 cm

No Kod : 031

"This artwork is mainly to reflect the memories and experience of landscape and places, connected to the history and location of Taman Negara Pahang. Prints are emotional responses to passages and experiences in life."



NUR FARAH IZZATI


Sumpit

Printmaking and Pen on Paper

2012

30 x 21 cm

No Kod : 032



AZIMUDDIN ABD MANAF

Tersembunyi

Acrylic on Canvas

2012

106 x 65 cm

"Pelbagai kisah dan rahsia yang tersembunyi di sebalik kurniaan alam ini."

FAIZAH BASIR

Rintihan Dedaun

Watercolor

2012

29.7 x 42 cm

No Kod : 037

"Mengenai pembalakan,
jangan biarkan hutan
simpanan Malaysia diterokai
oleh sekumpulan manusia
yang tidak bertanggungjawab.
Sayangi Taman Negara untuk
generasi yang akan datang."



JULIANI JOHARI

When the Leaves Meets the Paint

Acrylic and Watercolor

2012

30 x 21 cm

No Kod : 038

SITI UMAIRA ROSLEE

Urat Daun

Poster Color on Paper

2012

30 x 30 cm

No Kod : 039

"Urat daun sebagai simbol khazanah alam yang dilindungi. Walau dijejak, namun terpelihara, biar merasa generasi seterusnya, indahnya alam tiada tolok gantinya, kerana ia ciptaan Ilahi."





MARIAH HASAMDIN

Canopy Walk

Watercolor

2012

21 x 29 cm

No Kod : 040

"This artwork is about walking on the canopy walk in Taman Negara Pahang. The printed image of the person that is walking on the canopy walk is myself. The print on the artwork of the leaves uses lino water based and water color. The color of the print is green and yellow."

MAHIRAH ABDUL MALEK

Keindahan Alam II

Poster Color

2012

19 x 27.5 cm

NoKod : 041

"Keadaan sekeliling hutan simpan dijaga dengan baik. Penggunaan bahan-bahan semulajadi daripada daun-daun kering menjadikan karya ini nampak lebih 'nature'."





WAN ALYANI WAN ZALANI

Siri Daun I

Stamp

2012

29.7 x 42 cm

No Kod : 044

"Siri Daun I adalah gambaran hidup ini yang sentiasa mengadap dan patuh pada yang satu. Dedaunan yang kecil adalah lambang manusia yang sentiasa mengadap Tuhan yang Satu, dan ia kekal abadi."



WAN ALYANI WAN ZALANI

Siri Daun II

Stamp

2012

29.7 x 42 cm

No Kod : 045

"Kacau bilau adalah gambaran dunia masa kini yang semakin serabut dengan arus pembangunan, namun ada harmoni di sebalik kelamnya."



PUTERI NABILA ROHAIZAT


Damai Jiwa

Watercolor and Lino Ink Water Based

27 x 25 mm

No Kod : 046

"Hijau merangkumi keseluruhan warna-warna keindahan alam, kesegaran serta bauan dedaunan, bebungaan dan ketenangan bunyian serangga-serangga kecil hutan lalu menimbulkan situasi 'damai'."



NOOR SARUL INTAN SALIM

Kacau Daun

Watercolor and Lino Ink Water Based

2012

27 x 38 cm

No Kod : 047

“‘Kacau Daun’ bermotifkan daun-daun yang berguguran di Taman Negara memberikan inspirasi dan simbolisme kepada tetamu.”

SITI NUR QISTINA SYEIKH MOHD HALIMI

The Reflection of Taman Negara

Watercolor, Pen and Color Pencil

29 x 41 cm

No Kod : 048

“‘The Reflection of Taman Negara’ menggambarkan pecahan-pecahan ranting kayu, jalinan dan warna yang menakjubkan.”





TENGKU ANIS KHAIRUNNISA

TENGKU SAIFFUDIN

Kenangan

Clay

2012

No Kod : 049

"Karya ini bertemakan adunan flora dan alam benda melalui tumbuh-tumbuhan, akar dan imej budaya dalam penghasilan karya."

MOHAMMAD ASYRAF MANSOR


Penghuni Rimba

Clay

2012

No Kod : 050

"Menghasilkan karya tentang penghuni hutan dan jalinan hidupan alam daripada kulit-kulit pokok."



SITI SUHAILAH AMALUDIN

Isi Hutan

Clay

29 x 42 cm

No Kod : 051

"Isi hutan yang berkonsepkan seohon pokok yang tinggi dan mempunyai dedaunan yang banyak. Bermaksud melindungi habitat-habitatnya. Garisan yang ditekap pada clay, diperoleh dari ranting kering di sekeliling hutan, jenis daun yang berbeza juga diperolehi dari sekitar hutan."



SITI NASIHAH ISMAIL

Teguh
Clay
2012
10 x 14 cm
No Kod : 052

"Pemilikan menggunakan motif kayu bagi menampakkan kesan jalinan kulit-kulit kayu yang terdapat dalam hutan di Taman Negara, Pahang. Ia lambang kekerasan dan keteguhan hutan yang sehingga kini khazanahnya masih dapat dikekalkan."

NOR SAKIRA ABDULLAH

Hijau
Clay
2012

No Kod : 053

"Berkonsepkan alam iaitu tumbuh-tumbuhan seperti daun dan kulit kayu.

Menggunakan teknik tekap bagi menimbulkan kesan jalinan sentuh serta garisan daripada bahan alam ini. Teknik kepingan dan teknik picit digunakan dalam karya ini."



FARA NADIA MOHAMAD

Keajaiban Ciptaan Tuhan
Clay
2012
21 x 29 cm
No Kod : 054

"Suatu gambaran keindahan ciptaan Tuhan yang terhasil dari alam semulajadi."



WAN NUR MAISARAH WAN ZULKIFLI

Anugerah

Clay

2012

10 x 14 cm

No Kod : 055

“Gambaran keindahan dan ketenangan hutan Taman Negara, lantas menyuarakan perasaan teruja terhadapnya melalui unsur-unsur alam yang kaya di sini.”

SITI NABIHAH MD AZMI

Pohon

Clay

2012

10 x 14 cm

No Kod : 056

“Tanah + Kayu + Daun = Pohon”



ERNITA SHAHRUDIN

Memori Hijau

2012

No Kod : 057



Group Work of Ceramic Students

Clay

2012

No Kod : 058

HANIS NADIAH ADNAN

Keunikan Kulit Kayu

Clay

2012

10 x 19 cm

No Kod : 059

"Keunikan kulit-kulit pokok ciptaan Tuhan menerbitkan inspirasi dalam menghasilkan karya. Corak kulit-kulit kayu pokok yang terdapat di sini dirakam di atas tanah liat untuk dijadikan sebagai kenangan."



NIK NADIRAH ZAHIDAH NIK SAZALI

Clay

2012

No Kod : 060




MUHD ZAYYADI JUSUH

Acrylic on Paper

42 x 59 cm

No Kod : 027



MUHAMAD SYAZWAN MUHAMAD RUSDI

Acrylic on Paper

42 x 59 cm

No Kod : 028



NUR FARAH IZZATI

Greenery of Taman Negara


Printmaking and Watercolor on Paper

2012

30 x 21 cm

No Kod : 029

"This artwork mainly reflect the memories and experience of landscape and place, connected to the history and location of the area of Taman Negara Pahang. Prints are emotional responses to passages and experiences in life."



NUR FARAH IZZATI

Fern

Printmaking and Watercolor on Paper

2012

30 x 21 cm

No Kod : 030

"The image that have I created through printmaking are composed of numerous layers generated from printmaking techniques, drawing and digital imagery.

The process of layering is essential for developing richness in color, texture and depth. I used the contrast between light and dark to create abstraction of space representing inner worlds within us."



PENGKARYA - ABDUL MOHSIN AMINUDDIN, ABDUL HADI HAMDAN, AHMAD FAUZI AHMAD AZMI, AHMAD IRSYADUDDIN MAKHTAR, MUHAMMAD SYAWAL AQUIDDIN AZMAR,
MOHAMAD SHAZWAN ALMI MOHAMAD NAWAWI,

MOHAMMAD FAIZ MOHAMED HAUZA


1 Kilometre Sculpture

Benang

2012, 7' x 4' 3.5'

No Kod : 062

"Arca ini berdasarkan elemen seni iaitu garisan. Daripada garisan ini telah dijadikan struktur. Struktur ini menjadi perlambangan aman negara ini sebagai tulang belakang negara ini. Jika tiada alam semulajadi maka kita tiada tempat untuk bergantung kerana alam ini juga tempat kita memperolehi oksigen untuk hidup. Selain itu, garisan ini juga mewakili pengalaman terhadap banyak rintangan dan cabaran yang di lalui di sini."





PENGKARYA - DIANA DIEONARIA SIANAM, NOOR SYAZWANI RAZAK, NURFAZREN ALI MUZAN,
NURUL ASYIKIN ISMAIL, SHAIIDATUL ASHIKIN OTHMAN, SYAZANA MOHAMAD NASIR,
UMI SHUHAIDA DAUD

Love Nature

Woods, Rope and Acrylic

2012

3' x 4.5'

No Kod : 063

"Arca ini adalah gambaran rasa kecintaan terhadap alam semulajadi yang dipupuk sejak azali. Bentuk hati yang dicipta melalui ranting kayu menunjukkan bahan semulajadi dan penggunaan warna merah menunjukkan semangat dari setiap insan perlu ada bagi memelihara alam ciptaan yang Maha Esa."



JAWATANKUASA PENGANJURAN (PUSAT PENGAJIAN SENI HALUS & PENGAJIAN BUDAYA VISUAL)

Prof. Madya Dr Hj. Mustaffa Halabi Hj. Azhari
Penasihat/Dekan, Fakulti Seni Lukis & Reka

Dr. Arba'iyah Ab. Aziz
KPP Seni Halus dan Pengajian Budaya Visual

En. Mohd Suhaimi Tohid
Koordinator Seni Halus

En. Farid Raihan Ahmad
Penyelaras Projek

Pn. Noriza Arzain
Bendahari

Ahli-ahli

Prof. Dr. Mohd Mustafa Mohd. Ghazali

Prof. Madya Dr. Khatijah Sanusi

Prof. Madya Ponirin Amin

Prof. Madya Abd. Rahim Abdul Jalil

Prof. Madya Ramlan Abdullah

Prof. Madya Jalaini Abu Hassan

En. Mohd. Jamil Mohd. Isa

Pn. Sharmiza Abu Hassan

Pn. Rosiah Md. Noor

En. Rahman Amin

En. Mohd Fuad Mohd Arif

Cik Nadiah Mohamad

En. Mohd Fazli Othman

En. Mohd. Farif Abd. Jalil

En. Mohd. Rizal Salleh

PENGURUSAN ACARA & PAMERAN (GALERI SENI TUANKU NUR ZAHIRAH)

En. Nurul Muzamel Rasidi
Kurator

Pn. Nadya Ahmad Kamal
Penolong Kurator

En. Mohd Zamri Rosli
Juruteknik

En. Zairi Ramli
Pembantu Pejabat

Pelatih Kuratorial
Cik Norlela Sama'on
Cik Ros Aisyah Ramli
Cik Siti Nor Akilah Hasri
Cik Nor Shahania Hambali

JAWATANKUASA PAMERAN (PELAJAR)

Abdul Muhsin Aminuddin
Ketua

Nur Fiqah Mohd Qari
Penolong Ketua

Juliani Johari
Setiausaha

Syazwani Razak
Bendahari

Azimuddin Abd Manaf
Zharif Hazwan Badruddin
Hafiz Zamri
Fara Nadia Mohamad
Hanis Nadiah Adnan
Rekabentuk

Tuan Ahmad Zaimuddin Jamee Tuan Aziz
Jurufoto

Muhd Zayyadi Jusoh
Faizah Basir
Pengacara Majlis

Ain Nur Fatihah Shurizan
Siti Nur Zulaikha Shaikh Rohmat
Murni Asyikin Mohamad
Nurul'ain Sofiah Zulkifli
Jamuan

Nor Hidayah Shahrun
Muhd Masrul Bahari
Persembahan

Muhd Rushdi Ahmad
Ahmad Nur Fikri Ahmad Tarmizi
Mohamad Zahlan Bahari
Mohammad Asyraf B Mansor
Ahmad Fauzi Ahmad Azmi
Abdul Hadi Hamdan
Muhammad Syawal Aquiddin Azma
Teknikal & Logistik

Puteri Nabilla Rohaizat
Noor Sarul Intan Salim
Promosi



PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada:

- Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM
- Jabatan Komunikasi Korporat, UiTM
- Pejabat Bendahari UiTM (UKW Zon 12)
- Pejabat Pengurusan Fasiliti, UiTM
- Pejabat Polis Bantuan, UiTM
- En. Mohamad Kamal Abd Aziz (Editor)
- AJK Lawatan ke Singapura & Taman Negara

dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan pameran ini.

Terima Kasih di atas bantuan serta kerjasama anda.



Rekabentuk
JABATAN SENI HALUS (04)
Cetakan
GALERI SENI TUANKU NUR ZAHIRAH
(GESTURZ)
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia